

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN  
MOHD HARUN NARRASHID  
[KOTA TINGGI]**

**SOALAN :**

**YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan mempunyai pelan pembangunan jangka panjang ke atas projek pembinaan landasan kereta api berkembar dengan menyambungkannya ke seluruh bandar di pesisir pantai Malaysia Timur yang bermula dari Johor Bahru hingga ke Kota Bharu.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kerajaan tiada rancangan khusus untuk melaksanakan projek pembinaan landasan kereta api berkembar dengan menyambungkannya ke seluruh bandar di pesisir pantai timur Semenanjung Malaysia yang bermula dari Johor Bahru hingga ke Kota Bharu. Kerajaan pada masa ini menumpukan perhatian kepada kerja-kerja naiktaraf dan baik pulih landasan sedia ada di sektor pantai timur dari Gemas ke Tumpat. Pada tahun 2015, Kerajaan telah memperuntukkan RM210 juta untuk kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf landasan termasuk pembaikan akibat banjir. Kerja-kerja ini adalah amat penting supaya rakyat terus mendapat akses kepada perkhidmatan berasaskan rel yang merupakan mod pengangkutan utama mereka.

Bagi jangka masa panjang, Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECRDC) telah melaksanakan kajian mengenai *Feasibility Study East Coast Rail Line (ECRL)* bagi mengkaji kemungkinan pelaksanaan projek landasan keretapi yang meliputi laluan dari Kuantan, Pahang ke Tumpat, Kelantan menghubungkan Kuala Lumpur melalui Bentong. Walau bagaimanapun Kerajaan perlu meneliti secara terperinci mengenai cadangan tersebut bagi memastikan ianya berdaya maju dan dapat memberi impak dari segi ekonomi dan sosial kepada rakyat secara khususnya.

Sekian, terima kasih.